

**Teks Ucapan Perasmian
Ybhg Prof Dato' Dr Mohamad Kadim Bin Suaidi
Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak**

**Seminar Kepustakawanan 2013: Transformasi Perpustakaan Ke Arah
Pembudayaan Ilmu**

**Di Auditorium Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti
Malaysia Sarawak**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.
Salam UNIMASku Sayang

Yang Berbahagia Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman, Timbalan Naib
Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Yang Dihormati, Tn Haji Amir Hussain Md. Ishak, Ketua Pustakawan
Universiti Putra Malaysia merangkap Pengerusi Persidangan Ketua
Pustakawan Universiti dan Perpustakaan Negara (PERPUN) dan Majlis Ketua
Pustakawan IPTA.

Yang Berusaha Puan Margaret Simeng, Ketua Pustakawan, UNIMAS,

Tn Haji Abu Bakar Ibrahim, Pemangku Pendaftar UNIMAS,

Tn Haji Mazlan Kiflie, Bendahari UNIMAS

Ketua-Ketua Pustakawan dari IPTA dan IPTS Seluruh Malaysia

Dekan-Dekan, Pengarah-Pengarah, Timbalan-Timbalan Dekan

Para Pustakawan dan Pegawai Pengurusan UNIMAS

Staf UNIMAS dan rakan-rakan media yang dihormati sekalian

Pertamanya, saya ingin melafazkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, maka dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Seminar Kepustakawanan 2013 pada pagi yang berbahagia ini.

Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Pusat Khidmat Maklumat Akademik, UNIMAS di atas usaha dalam penganjuran Seminar Kepustakawanan 2013 yang sangat signifikan dengan peranan UNIMAS sebagai penjana kecemerlangan akademik negara.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada semua pembentang dan peserta seminar. Semoga tuan/puan semua beroleh manfaat daripada sesi perkongsian ilmu pengetahuan dan seterusnya mencapai objektif seminar ini.

Saya percaya penganjuran seminar kepustakawanan seumpama ini menjadi satu platform kepada para peserta di mana perspektif baru dalam dunia kepustakawanan dapat dibincang dan dikongsi bersama. Gabungan atau kolaborasi para pembentang kertas kerja dan peserta dari pelbagai institusi/organisasi pasti akan membuahkan hasil yang boleh dimanfaatkan bersama.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Jika pada tahun 2011 Seminar Kepustakawanan membawa tema **Inovasi Kepustakawanan Ke Arah Kecemerlangan Kesarjanaan** maka pada tahun ini pula temanya ialah **Transformasi Perpustakaan Ke Arah Pembudayaan Ilmu.**

Jika kita takrifkan **transformasi**, transformasi adalah perubahan yang bersifat struktural, secara bertahap, total, dan tidak boleh dikembalikan lagi ke bentuk semula (*irreversible*).

Selaras dengan agenda transformasi kerajaan untuk meningkatkan imej perkhidmatan awam di mata rakyat, selain memacu negara menjadi sebuah negara maju, perpustakaan juga perlu memainkan peranan untuk mencapai objektif tersebut melalui mentransformasikan peranan perpustakaan kepada pasyarakat perpustakaan ke arah pembudayaan ilmu serta menyemai rasa cintakan pengetahuan kepada masyarakat.

Seperti yang kita sedia maklum, kebanyakan perpustakaan di Malaysia mahupun di luar kini telah banyak melakukan transformasi iaitu dari segi fungsi, kemudahan serta perkhidmatan.

Transformasi perpustakaan ke arah pembudayaan ilmu bukanlah suatu perkara yang mudah. Peranan perpustakaan dalam mewujudkan budaya ilmu dalam masyarakat adalah sangat berat. Hubungan yang harmonis antara keduanya harus tercipta secara utuh dan menyeluruh, kerana diantara keduanya saling memerlukan dan saling melengkapi.

Perpustakaan memerlukan masyarakat sebagai pelanggan tetap yang akan memanfaatkan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan, dan pada masa yang sama masyarakat memerlukan maklumat yang dikemaskini dan tepat dalam perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan pihak perpustakaan untuk menambah ilmu pengetahuan, wawasan, pengalaman dan ketrampilan.

Hakikatnya, maklumat dan komunikasi yang berkesan akan membuka dan melebarkan capaian antara perpustakaan dan masyarakat, sesuatu yang sangat mungkin untuk direalisasikan di abad ini, dimana perkembangan maklumat dan kemajuan teknologi sudah sangat sehati dengan pelbagai aktiviti kehidupan manusia.

Perkembangan perpustakaan sendiri bila ditinjau dari aspek sejarah tidak dapat dipisahkan dari sejarah tamadun manusia, kerana perpustakaan merupakan hasil tamadun tersebut. Untuk beribu tahun lamanya perpustakaan telah menjadi pusat maklumat bertulis dan menjadi simbol yang kuat dalam tamadun ataupun intelektualiti yang telah dicapai oleh umat manusia. Perkembangan perpustakaan juga sangat berkaitan dengan perkembangan masyarakat. Justeru itu kewujudan perpustakaan merupakan keperluan sosial , ekonomi , budaya , dan pendidikan sesuatu masyarakat.

Masyarakat juga perlu mempunyai kesedaran terhadap perpustakaan sebagai pusat sumber maklumat, ilmu pengetahuan, pusat teknologi, kesenian, dan kebudayaan dan bukan hanya sekadar tempat atau bilik besar yang penuh dengan buku-buku dengan suasana yang statik. Kemajuan dalam teknologi dan maklumat juga merupakan cabaran utama bagi perpustakaan. Peranan dan fungsi perpustakaan dalam era globalisasi haruslah seiring dengan perkembangan teknologi.

Pemasyarakatan perpustakaan mempunyai tujuan untuk membangkitkan minat terhadap ilmu dalam masyarakat. Budaya tutur, oral dan lisan yang telah berkembang sekian lama dalam masyarakat, diharapkan boleh berubah menjadi budaya baca dan tulis - suatu proses perubahan yang sangat berat dan melelahkan, yang merupakan tugas utama perpustakaan dalam masyarakat masa kini.

Minat terhadap ilmu atau maklumat dapat dipupuk. Setiap orang mempunyai minat yang berbeza dalam pencarian ilmu. Ada yang memerlukannya untuk tujuan ekonomi, kemasyarakatan, pendidikan dan lain-lain. Minat yang berbeza ini membentuk persepsi dan motivasi yang berbeza dalam pembudayaan ilmu.

Pembudayaan ilmu dapat dijelaskan melalui tiga fasa utama. **Pertama**, timbul minat kerana tertarik akan maklumat yang disusun dengan menarik (Maklumat boleh wujud dalam bentuk artifak, lukisan, imej, ensiklopedia, indeks, abstrak, buku tahunan, almanak, jurnal, buku, majalah, cakera padat, mikrofilem, *mikrofiche*, lisan, kaset, video dan banyak lagi), hingga timbul rasa untuk mengetahui dengan lebih lanjut.

Kedua, oleh kerana maklumat terhadap sesuatu hal yang diminati telah tersedia dan boleh didapati dengan mudah, secara automatik seseorang akan lebih sering membaca sehingga menjadi kebiasaan untuk seseorang itu mencari maklumat.

Ketiga, kebiasaan mencari dan menggunakan maklumat yang dipupuk secara berterusan akan menjadi satu keperluan harian seseorang yang harus dipenuhi. Ketagihan terhadap maklumat merupakan satu bentuk pembudayaan ilmu.

Dalam hal ini, perpustakaan perlu memasyarakat, mempromosi dan menerbitkan maklumat yang ada dalam perpustakaan kepada masyarakat sekeliling. Perpustakaan perlu meletakkan dirinya sebagai sebahagian daripada kehidupan dan aktiviti masyarakat sehingga masyarakat dapat memperoleh nilai tambah dalam hal maklumat, ilmu pengetahuan dan

perkhidmatan perpustakaan yang disediakan. Dengan cara ini juga perpustakaan dapat bergerak seiring dengan keperluan masyarakat yang sentiasa berdepan dan adakalanya terbeban dengan kebanjiran maklumat.

Bertolak dari fungsi perpustakaan di atas tentunya menjadi satu cabaran bagi pengurus perpustakaan untuk mencipta sebuah perpustakaan yang boleh menjadi tempat menimba ilmu sekaligus tempat rekreasi yang menyenangkan sehingga terwujud pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan masyarakat. Dengan itu tercapailah objektif kita untuk memasyarakatkan ilmu.

Kesimpulannya, perpustakaan sebagai nadi dan jentera sesebuah universiti/organisasi memainkan peranan yang sangat besar dalam menyokong pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan melalui transformasi fungsi perkhidmatan dan kemudahan ke arah pembudayaan ilmu, selaras dengan aspirasi negara.

Dengan kata-kata itu, saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan tahniah dan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur atas dedikasi dan kesungguhan menjayakan seminar ini. Saya berharap kita akan dapat meneruskan lagi iltizam dan komitmen kita untuk menambah nilai dalam memartabatkan bidang kepustakawanan.

Sebelum saya mengakhiri ucapan, dengan lafaz Bismilahirrahminirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Seminar Kepustakawanan 2013: Transformasi Perpustakaan Ke Arah Pembudayaan Ilmu.**

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalammuaalaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Sekian terima kasih.